

06/09/2003

Kejayaan MSC di luar jangkaan pakar IT

Khairul Anuar Abdul Samad

AHLI Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kagum dengan pengendalian dan perkembangan Koridor Raya Mutlimedia (MSC) sehingga kini walaupun projek mega negara itu terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah global seperti kelembapan ekonomi.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Silicon Graphics Inc, Bob Bishop, berkata seperti yang berlaku dalam semua peralihan, memang ada risikonya, namun fasa pertama MSC sudah membuktikan kejayaannya dan ahli IAP gembira dengan perkembangan itu.

Katanya, kejayaan MSC fasa pertama itu dapat dibuktikan melalui jumlah syarikat yang terbabit dalam MSC selain berjaya mewujudkan 18,000 peluang pekerjaan.

"Di samping itu, jualan dan eksport komponen MSC juga menunjukkan peningkatan daripada yang dijangkakan. Semua ini dapat terus dinikmati walaupun ia terpaksa berhadapan dengan kegawatan ekonomi global baru-baru ini," katanya di Cyberjaya, Khamis lalu.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri mesyuarat IAP ke-7 yang disertai oleh 31 anggota dan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadie Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bishop berkata, beliau tidak fikir dunia sudah menyedari mengenai kejayaan fasa pertama MSC yang mengatasi matlamat disasarkan bagi fasa itu sekiranya diambil kira halangan yang terpaksa ditempuhinya.

Katanya, walaupun 18,000 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan, terdapat 3,000 lagi kekosongan dan senario itu baik untuk pelajar dan pekerja negara ini yang ingin dikaitkan bersama dengan MSC.

"Selain melengkapinya tenaga manusianya dengan pendidikan tinggi, Malaysia harus memastikan mereka mempunyai keupayaan berinovasi, keusahawanan dan kemahiran mengambil risiko selain berbakat dalam pemasaran.

"Mereka juga mesti mempunyai perspektif global kerana ekonomi maklumat adalah ekonomi global, bukan setakat ekonomi tempatan," katanya.

Profesor Universiti Stanford, William F Miller berkata, pembangunan dilakukan terhadap MSC adalah di luar jangkaan kerana sudah menikmati kemajuan yang lebih pesat.

Katanya, usaha harus dilakukan ke arah memberikan lebih banyak maklumat dan publisiti kepada projek MSC supaya negara lain menyedari mengenainya.

"Bagi memastikan kemantapan MSC masa depan, Malaysia harus berusaha untuk terus mengeluarkan tenaga mahir dan berbakat," katanya.